

From: Pusat Budaya dan Seni -PBS
Sent: Monday, 27 March, 2017 11:43 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Amirul Terima Anugerah Penghargaan Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

27 MAC 2017, ISNIN | 28 JAMADILAKHIR 1438H



HEP: Anugerah Penghargaan Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dianugerahkan kepada Muhammad Amirul Fikhry Abdul Rahman dari Kelab Bidasari Pusat Budaya dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia (UUM).

Penganugerahan disampaikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Malaysia Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir sempena Majlis Anugerah Tokoh Siswa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2016 yang berlangsung pada 25 Mac baru-baru ini di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Amirul pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Pemutusan, semester kelima yang juga Pengerusi Kelab Tarian Bidasari berasa amat bersyukur dengan kejayaan ini dan akan terus menyumbang bakti dalam pelaksanaan program yang berimpak tinggi.

Sepanjang tempoh pengajian di UUM, Amirul telah terlibat dalam pelbagai aktiviti akademik mahupun ko-kurikulum dan berpersatuan, bukan sahaja di peringkat universiti, bahkan kebangsaan serta antarabangsa.

Kecemerlangan dalam akademik bukan menjadi batasan untuk beliau tidak terlibat secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dan kepimpinan di Universiti. Bakat kepimpinan beliau semakin menyerlah apabila diberi kepercayaan sebagai Presiden Kelab Tarian Bidasari tempoh 2016/2017.

Amirul telah mewakili UUM ke beberapa pertandingan seperti Festival Zapin Johor MAKUM 2016 telah berjaya mendapat tempat Naib Johan dan Anugerah Koreografi Terbaik. Manakala di peringkat antarabangsa, program IMT-GT Varsity Carnival kali ke-18 yang berlangsung di Rajamangala University of Technology Srivijaya (RMUTSV) Thailand, Kelab Bidasari telah berjaya merangkul Anugerah *The Best Spirit Cultural Group*.

Selain itu, beliau juga telah berjaya menerima beberapa anugerah lain sepanjang tahun 2016 seperti Anugerah Sumbangsih sempena Majlis Anugerah Kerana Jasa UUM dan Anugerah Citra Budaya Tari sempena Majlis Anugerah Seni UUM dan Anugerah MAET'16.

Amirul berkata, penglibatannya dalam bidang budaya di PBS telah menjadikan dirinya lebih bermaklumat dengan segala cabang pengurusan acara kerana ilmu yang dimiliki ini akan dipraktikkan untuk mengembangkan lagi apa saja organisasi yang bakal berkhidmat kelak.

“apalah gunanya memiliki kelulusan ijazah setinggi gunung namun adat dan budaya yang selama ini disanjung oleh insan terdahulu kita letak ke tepi dan sesebuah bangsa itu hebat sekiranya mempunyai nilai estetik ketamadunan budaya yang jitu, katanya mengakhiri perbualan.

Menurut Pengarah PBS Huzaidy Hussain, pengiktirafan daripada KPT ini penting kepada mahasiswa kerana ia memberi kesedaran, motivasi serta peluang untuk menetengahkan potensi dan mengembangkan bakat untuk menjadi insan yang cemerlang.

Selain itu, melalui Anugerah Tokoh Siswa ini juga dapat menggalakkan mahasiswa untuk terus terlibat dalam penganjuran program yang berimpak tinggi dan positif kepada masyarakat.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL : 04-928 4215

FAKS : 04-928 4222

EMAIL : pbs@uum.edu.my

WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.